



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 () 07/03

PROGRAM PEDULI VETERAN ATM (PPV ATM)
PERINGKAT NEGERI KELANTAN

KELANTAN, 18 Mac 2023 – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari hari ini telah melaksanakan Program Peduli Veteran ATM (PPV ATM) peringkat negeri Kelantan. Dalam program kali ini, YB Timbalan Menteri Pertahanan telah mengunjungi lapan (8) buah rumah Veteran ATM yang telah dikenalpasti memerlukan bantuan dan perhatian bagi meringankan sedikit beban harian Veteran ATM. YB Adly bin Zahari turut menyampaikan Bakul Makanan dan sedikit sumbangan saguhati kepada semua veteran yang dilawati. Beliau sempat mendengar cerita-cerita pengalaman Veteran-veteran ATM itu semasa berkhidmat dalam ATM.

Kunjungan lapan (8) buah rumah adalah seperti berikut:

1. Prebet Abdullah bin Yusoff berusia 69 tahun. Beliau mengalami sakit jantung, masalah saraf, buah pinggang dan kencing manis.
2. Koperal Mohamad Sabri bin Ismail berusia 58 tahun. Beliau mengalami masalah jantung dan strok.
3. Koperal Abd Rahim bin Jaaffar berusia 62 tahun. Beliau mengalami kerosakan pada bahagian hati.
4. Lans Koperal Shah Ariffin bin Abdul Rahman berusia 85 tahun. Beliau mengalami sakit strok dan sedang terlantar sehingga sekarang.
5. Pegawai Waren Dua Ahmad bin Mahmud berusia 72 tahun. Beliau telah kehilangan kaki kiri disebabkan oleh terkena jerangkap samar sewaktu berkhidmat.
6. Koperal Che Ahmad bin Mamat berusia 66 tahun. Beliau mengalami sakit usus bocor dan sedang terlantar.
7. Koperal Nek Ya bin Nor berusia 69 tahun. Beliau telah kehilangan tapak kaki kiri akibat terkena jerangkap samar sewaktu berkhidmat pada tahun 1979.

8. Prebet Mat Arifin bin Hamzah berusia 70 tahun. Beliau mengalami sakit strok dan sedang terlantar sehingga sekarang.

Program PPV di negeri Kelantan merupakan negeri kedua selepas Melaka yang dikunjungi oleh Timbalan Menteri Pertahanan. Ianya merupakan inisiatif Kementerian Pertahanan dan JHEV ATM dalam mengenalpasti serta menyantuni bekas-bekas perajurit negara yang menghadapi kesusahan dan memerlukan bantuan. Veteran-veteran ATM bukan semata-mata memerlukan bantuan, namun perhatian dan penghargaan sebagai perajurit negara amat bermakna pada mereka. Program ini akan diteruskan ke negeri-negeri lain di seluruh Malaysia.

YB Timbalan Menteri Pertahanan turut membuat lawatan ke tapak latihan pertanian yang dikelola oleh pihak PERHEBAT dimana beliau telah diberikan taklimat ringkas oleh Mej Shahrul Anuar bin Baharom (Bersara) yang merupakan pengurus PERHEBAT negeri Kelantan.

Selain itu, beliau juga turut membuat lawatan ke tempat penternakan madu lebah kelulut yang telah diusahakan oleh Veteran ATM, Pegawai Waren Dua Rosman bin Mamat (Bersara) di Kem Desa Pahlawan Kok Lanas, Kota Bharu, Kelantan. Kini PW II Rosman bin Mamat (Bersara) telah mempunyai bilangan Log Sarang Lebah Madu Kelulut lebih kurang 600 unit dengan purata hasil tuaian madu kelulut sekitar 80 kilogram hingga 100 kilogram sebulan. Beliau mengusahakan ladang perternakan lebah kelulut sejak tahun 2017 dengan sewaan tanah Kementerian Pertahanan.

Turut berlangsung dalam program PPV ini adalah Majlis Hari Bertemu Veteran dimana YB Timbalan Menteri Pertahanan mendengar sendiri luahan dan permasalahan Veteran-veteran ATM di negeri Kelantan terutama dari golongan sasar B40. YB Timbalan turut menyampaikan sumbangan kepada 16 persatuan Veteran ATM di negeri Kelantan dan turut menyantuni veteran yang hadir semasa sesi tersebut.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

18 Mac 2023